

Publication : **Utusan Borneo (Sabah)**  
Date : 1 September 2015  
Section : Citra Utusan  
Page : 12  
Headline : Hua Yang sasar jualan rm500j bagi tahun kewangan 2016

# Hua yang sasar jualan RM500j bagi tahun kewangan 2016

**KUALA LUMPUR:** Hua Yang Bhd menyasarkan untuk meraih hasil jualan sebanyak RM500 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac, 2016 (FY16), iaitu meningkat berbanding RM460 juta dicatatkan bagi tahun kewangan 2015 (FY15).

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Ho Wen Yan, berkata sasaran lebih tinggi itu akan dipacu oleh projek-projek di Lembah Klang, Perak dan Pulau Pinang.

“Jumlah nilai pembangunan kasar (GDV) projek-projek di kawasan itu bagi FY16 kekal sebanyak RM633 juta, termasuk projek di One South City di Seri Kembangan. Kita juga akan terus mengusahakan baki projek itu mengikut beberapa fasa,” katanya kepada wartawan selepas mesyuarat agung tahunan syarikat itu di sini, baru-baru ini.

Bagi perancangan masa depan, syarikat pemaju hartanah itu menyasarkan untuk meningkatkan jumlah simpanan tanahnya yang berkeluasan 209.62 hektar dengan nilai GDV RM3.3 bilion, ketika ini. -Bernama